



Maybank

PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN BAGI DIVIDEN TUNAI AKHIR (SEBAGAIMANA YANG DIDEFINISIKAN DI SINI) ("DIVIDEND REINVESTMENT PLAN" ATAU "DRP") YANG DILAKSANAKAN OLEH MALAYAN BANKING BERHAD ("MAYBANK")

MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)

100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur

Pada 21 Februari 2013, Lembaga Pengarah Maybank ("**Lembaga Pengarah**") telah mencadangkan dividen tunai akhir sebanyak 33 sen (28.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap saham biasa Maybank bernilai RM1.00 sesaham ("**Saham Maybank**") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, yang terdiri daripada *franked dividend* sebanyak 18 sen (13.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank dan dividen satu peringkat (*single-tier dividend*) sebanyak 15 sen bagi setiap Saham Maybank ("**Dividen Tunai Akhir**"). Lembaga Pengarah juga telah menentukan bahawa Pelan Pelaburan Semula Dividen akan diguna pakai bagi pembayaran Dividen Tunai Akhir yang dinyatakan tersebut di mana bahagian boleh pilih kasar sebanyak 29 sen (24.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang, yang terdiri daripada *franked dividend* sebanyak 18 sen (13.5 sen bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank dan dividen satu peringkat (*single-tier dividend*) sebanyak 11 sen bagi setiap Saham Maybank ("**Bahagian Boleh Pilih**") boleh dilaburkan semula ke dalam Saham Maybank baru dan bahagian selebihnya yang terdiri daripada dividen satu peringkat (*single-tier dividend*) sebanyak 4 sen bagi setiap Saham Maybank yang dipegang akan dibayar secara tunai.

Setiap pemegang saham yang layak mempunyai pilihan-pilihan berikut terhadap Bahagian Boleh Pilih:

- (a) Memilih untuk menerima Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau
- (b) Memilih untuk melabur semula kesemua Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM8.80 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 12 April 2013; atau
- (c) Memilih untuk melabur semula sebahagian daripada Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM8.80 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 12 April 2013 dan menerima bahagian selebihnya daripada Bahagian Boleh Pilih dalam tunai.

Sekiranya anda adalah pemegang saham kami yang layak, sila ambil perhatian kepada tarikh-tarikh berikut:

Tarikh dan masa akhir untuk menyerahkan Borang Pelaburan Semula Dividen : Khamis, 16 Mei 2013 pada jam 5.00 petang, atau sebarang tarikh dan masa yang mungkin dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan budi bicara mutlak mereka

Terbitan dan peruntukan Saham-saham Maybank baru serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang saham yang layak : Rabu, 29 Mei 2013

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai DRP, anda boleh menghubungi Pendaftar bagi DRP di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur (Tel: +603-2264 3883) atau e-mel kepada is.enquiry@my.tricorglobal.com.

Penasihat bagi DRP



Maybank Investment Bank

Maybank Investment Bank Berhad (15938-H)
(Sebuah Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)

Anda boleh melayari laman web Maybank (www.maybank.com/drp) untuk maklumat lanjut berhubung DRP.